



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
8 OGOS 2019 (KHAMIS)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Berita Harian**

- |                                                 |   |
|-------------------------------------------------|---|
| - Kes Bolot, pajak tapak niaga sukar dibuktikan | 5 |
|-------------------------------------------------|---|

**Kosmo**

- |                  |    |
|------------------|----|
| - Whatsapp aduan | 18 |
|------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
8 OGOS 2019 (KHAMIS)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Kes Bolot, pajak tapak niaga sukar dibuktikan
Muka Surat	5

8A 8/8/19 msor

NASIONAL

# Kes bolot, pajak tapak niaga sukar dibuktikan



Penyewa tidak mengaku miliki lot pasar ketika operasi pihak berkuasa

Oleh Mohd Azrone Sarabatin  
azrone@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sukar membuktikan kes individu memborong lot niaga pasar borong milik pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kemudian di-sewakan kepada pihak ketiga.

Timbalan Menterinya, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin Shah, berkata ini kerana ketika operasi penguatuasaan undang-undang dijalankan, penyewa terbabit tidak mengakui lot perniagaan berkecuaan milik mereka, sebaliknya mendakwa pekerja.



Keratan akhbar BH, semalam.

Beliau berkata, sistem pajakan atau memborong lot niaga juga sepatutnya tidak berlaku kerana setiap penyewa mempunyai kuota tertentu ditetapkan PBT mengikut permintaan di sesuatu kawasan.

Katanya, jika permintaan di kawasan berkecuaan tinggi, kuota ditetapkan untuk seorang penyewa adalah sedikit bagi memastikan tidak berlaku kes pihak tertentu membolot lot perniagaan disebutnya oleh PBT.

"Kuota berkenaan ditetapkan oleh PBT dan pihak berkuasa terbabit sepatutnya tidak membenarkan pihak tertentu memborong lot niaga sehingga menyebalkan pihak lain yang mahu berniaga terpaksa menyewa dengan mereka," katanya ketika dihubungi, semalam.

BH semalam melaporkan penguatuasaan ikan oleh kartel, kegiatan menyewa Permit Kellusian (AP) kubis, jualan lot niaga borong sehingga RM1.3 juta,

kebergantungan kepada negara sumber yang terhad serta kekurangan produk tempatan, menjadinya punca kenaikan harga lima kali makalan makanan utama rakyat negara ini.

Sebelum ini, BH mendedahkan kes warga asing berniaga di pasar borong, malah ada juga yang berniaga di luar kawasan pasar tani Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Ditanya mengenai ada warga asing didakwa berniaga di kawasan pasar awam kodalai PBT di seluruh negara, Raja Kamarul Bahrin berkata perkara itu sepatutnya tidak berlaku.

Katanya, PBT hanya mengeluarkan lesen kepada warga tempatan dan menjadi kesalahan jika mereka mengeluarkannya kepada warga asing.

"Kedua-dua dat ia adalah satu kesalahan, apakah lagi warga asing datang ke negara kita untuk bekerja mengikut permit kerja mereka mohon bukannya berniaga," katanya.

**Kuota berkenaan ditetapkan oleh PBT dan pihak berkuasa terbabit sepatutnya tidak membenarkan pihak tertentu memborong lot niaga sehingga menyebalkan pihak lain yang mahu berniaga terpaksa menyewa dengan mereka.**

Raja Kamarul Bahrin Shah  
Raja Ahmad Baharuddin Shah,  
Timbalan Menteri Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
8 OGOS 2019 (KHAMIS)**

Akhbar	Kosmo
Tajuk Berita	Whatsapp Aduan
Muka Surat	18

■ TIADA lampu di Jalan Bukit Utama, Bukit Antarabangsa. Diminta pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya dapat selesaikan isu tersebut dengan segera kerana bimbang akan keselamatan pengguna jalan itu. >HAZIQ AZIZI  
*Kosmo 8/8/2019*



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
8 OGOS 2019 (KHAMIS)**

Akhbar	Kosmo
Tajuk Berita	Whatsapp Aduan
Muka Surat	18

■ KEADAAN jalan tidak rata di sepanjang laluan AU3 Keramat boleh menyebabkan kemalangan dan kerosakan pada kenderaan. Pihak pengurusan Majlis Perbandaran Ampang Jaya diminta prihatin untuk ambil tindakan bagi memudahkan kami penduduk setempat. >HAKEEM ROSLI  
*KOSMO 8/8/19 MSB*